

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ
BIN ABDUL RAHIM
[Baling]**

TARIKH : 16.06.2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 75

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan mengapa tahap air bersih di kawasan luar bandar masih di tahap kritikal di mana ada sesetengah kampung masih menggunakan air paip masyarakat bahkan ada yang masih menggunakan air telaga.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan masyarakat luar bandar mendapat akses kemudahan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kehidupan dan kesihatan masyarakat dapat dipertingkatkan.

Pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) oleh Kementerian adalah secara berperingkat mengikut keutamaan dan kesesuaian untuk projek dilaksanakan sama ada secara penyambungan paip retikulasi atau sistem alternatif. Namun begitu, beberapa faktor seperti sumber air sedia ada yang tidak mencukupi, tekanan air yang rendah, isu tanah/izin lalu dan sebagainya telah menjelaskan pelaksanaan penyambungan paip ke rumah-rumah khususnya di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan statistik terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui laman webnya , setakat tahun 2013, sebanyak 92.5% rumah-rumah di kawasan luar bandar telah mendapat bekalan air bersih dan terawat berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 90.7%. Bagi tahun 2014 pula sebanyak 8,195 buah rumah lagi telah dibekalkan dengan bekalan air bersih dan terawat.

Walaubagaimanapun, Kementerian dari masa ke semasa bekerjasama dengan kementerian/agensi-agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Air Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan kawasan luar bandar mendapat kemudahan bekalan air bersih dan terawat.

SOALAN (76)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 16 JUN 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kelebihan-kelebihan yang boleh dinikmati oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari segi peranan dan fungsi Majlis, kecekapan pentadbiran, pengurusan dan peruntukan kewangan, penguatkuasaan undang-undang selepas dinaik taraf dari status sebelum ini sebagai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang berkuatkuasa pada 1 Januari 2015. Dari segi peranan dan fungsi perubahan taraf tersebut tidak memberi kesan yang signifikan selain daripada kepada pertambahan bidang tugas dan fungsi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang disebabkan oleh perubahan sempadan kawasan pentadbiran MPPP dengan yang dihasilkan daripada pertambahan lima kawasan tebus guna tanah. Dari segi manfaat kepada penduduk setempat, perubahan tersebut akan membolehkan kawasan tersebut menerima kemudahan awam dan infrastruktur yang lebih baik sejajar dengan pembangunan sebagai sebuah bandaraya.

Untuk melaksanakan fungsi tambahan tersebut, pentadbiran MBPP yang baru akan distruktur semula termasuk pewujudan beberapa jabatan baru seterusnya pertambahan senarai jawatan. Antara penstrukturan bahagian

yang terpenting adalah berhubung kenaikan taraf Bahagian Penguatkuasa sebagai jabatan baru iaitu **Jabatan Penguatkuasa**. Perubahan ini akan memberi kesan kepada pertambahan kapasiti penguatkuasa dan seharusnya MBPP dapat melaksanakan tugas harian khususnya dalam aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang lebih cepat, telus dan cekap.

Kementerian berharap, MBPP mampu untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat sejajar dengan tarafnya sebagai sebuah Majlis Bandaraya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015